

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK DR. MAKIN @ MARCUS
MOJIGOH [PUTATAN]**

TARIKH : 11 MAC 2015 (RABU)

SOALAN :

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] meminta PERDANA
MENTERI menyatakan-**

- (a) apakah pandangan dan komitmen Kerajaan Persekutuan ke atas Batu Sumpah Keningau yang didirikan bersempena dengan Perjanjian Malaysia 1963; dan

- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan mengenai dengan dakwaan oleh sesetengah pihak bahawa jaminan ke atas 3 perkara dalam Batu Sumpah itu telah terhakis.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pembinaan Batu Sumpah di Keningau adalah sebagai suatu simbol bagi memperingati penubuhan Malaysia. Batu Sumpah di Keningau menyatakan seperti yang berikut:

"BATU SUMPAH PERINGATAN MENGIKUT PERLAMBAGAAN

- 1. UGAMA BEBAS DALAM SABAH.***
- 2. TANAH2 DALAM SABAH DI-KUASA OLEH KERAJAAN SABAH.***
- 3. ADAT ISTIADAT ANAK RAKYAT SABAH DI-HORMATKAN DAN DI-PELIHARA OLEH KERAJAAN.***

SABALEK PULA RAYAT2 SABAH DI-DALAM INTERIOR BERSUMPAH TA'AT SETIA KAPADA KERAJAAN MALAYSIA."

2. Sejarah Batu Sumpah di Keningau boleh dikesan daripada Suruhanjaya Cobbold yang telah ditubuhkan untuk mendapatkan pandangan rakyat di Sabah dan Sarawak berhubung dengan penubuhan Malaysia. Beberapa siri pendengaran (*hearing*) dan lawatan telah dijalankan oleh Suruhanjaya Cobbold ke seluruh Sabah dan Sarawak bagi mendapatkan pandangan dan maklum balas daripada semua rakyat di Sabah dan Sarawak. Maklum balas dan pandangan telah diberikan sama ada secara lisan ataupun melalui memorandum bertulis kepada pihak Suruhanjaya oleh wakil-wakil yang terdiri daripada pemimpin masyarakat, parti politik dan ketua-ketua kaum di Sabah dan Sarawak.

3. Salah satu memorandum yang telah diterima oleh Suruhanjaya Cobbold semasa sesi lawatannya ke Sabah ialah Memorandum daripada Pengurus Parti United National Kadazan Organization (UNKO) Cawangan Keningau. Perenggan 7 Memorandum tersebut menyatakan seperti yang berikut:

"7. We agree with the request for safeguards but request that with the realization of Malaysia, a stone will be planted, according to one custom, in Keningau with the safeguards written in the stone."

4. Perkara ini telah diambil maklum oleh Suruhanjaya Cobbold melalui perenggan 118, Laporan Suruhanjaya Cobbold seperti yang berikut:

"118. The safeguards which were suggested to us varied considerably in importance. In setting them out below, we shall endeavor to indicate the degree of importance which was attached to each of them and the extent to which they represented the views of substantial sections of the indigenous population. The suggestion was sometimes made that safeguards should be symbolized, following tradition, by a stone monument as lasting reminder of the assurances given."

5. Walau bagaimanapun, adalah diperhatikan bahawa tiada apa-apa kenyataan lain diperuntukkan oleh Suruhanjaya Cobbold dalam Laporannya berhubung dengan cadangan untuk mendirikan batu tersebut.

6. Oleh yang demikian, pembinaan Batu Sumpah di Keningau hanyalah sebagai suatu simbol bagi memperingati penubuhan Malaysia dan bukannya bukti perjanjian dan sumpah antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sabah untuk menubuhkan Malaysia. Sebaliknya, penubuhan Malaysia adalah berdasarkan persetujuan yang telah dicapai antara pihak British, Persekutuan Tanah Melayu, Sabah (pada ketika itu dikenali sebagai *North Borneo*), Sarawak dan Singapura melalui suatu perjanjian bertulis yang dimeterai pada 9 Julai 1963 (“Perjanjian Malaysia”).

7. Perjanjian Malaysia antara lainnya merangkumi 20 Perkara yang diutarakan oleh Sabah dan 18 Perkara oleh Sarawak bagi melindungi kepentingan, hak serta kuasa autonomi rakyat Sabah dan Sarawak selepas Malaysia ditubuhkan. Hak-hak serta kuasa autonomi rakyat Sabah tersebut dipelihara dengan kukuh bukan sahaja dalam Perlembagaan Negeri Sabah, malahan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan perundangan Negara oleh Kerajaan Persekutuan. Sebagai contoh:

- (a) Berhubung dengan perkara kebebasan beragama pula, hak rakyat Malaysia termasuk di Sabah adalah terjamin di bawah Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa tiap-tiap orang berhak menganuti, mengamalkan dan mengembangkan agamanya, tertakluk kepada Fasal (4) dan Fasal (5) Perkara 11. Fasal (3) Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan juga menjamin hak tiap-tiap kumpulan agama untuk menguruskan hal ehwal agamanya, menubuhkan dan menyenggarakan institusi-institusi bagi maksud

agama atau khairat, dan memperoleh dan mempunyai harta dan memegang serta mentadbirkannya mengikut undang-undang.

(b) Berhubung dengan tanah:

(i) Fasal (5) Perkara 161A Perlembagaan Persekutuan dimasukkan bagi memberi kuasa kepada DUN Negeri-Negeri Borneo membuat peruntukan berhubung perizaban atau pemberian hakmilik tanah kepada anak-anak Negeri. Ini adalah selaras dengan persetujuan dalam *Report of the Inter-Governmental Committee* 1962 (“Laporan IGC”) yang menyatakan bahawa Perkara 89 Perlembagaan Persekutuan mengenai perizaban tanah Melayu adalah tidak terpakai bagi Negeri-Negeri Sabah dan Sarawak; dan

(ii) Perkara 95D Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Fasal (4) Perkara 76 iaitu berhubung dengan kuasa Parlimen untuk membuat undang-undang berkenaan hal-hal Negeri bagi tujuan keseragaman undang-undang dan dasar adalah tidak terpakai bagi maksud penggubalan undang-undang dan dasar mengenai tanah atau kerajaan tempatan di Negeri Sabah dan Sarawak.

(c) Perlembagaan Persekutuan juga memperuntukkan kuasa perundangan khusus kepada Negeri Sabah dan Sarawak di bawah Perkara 95B dan Senarai IIA – Tambahan

kepada Senarai Negeri bagi Negeri Sabah dan Sarawak, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan bagi perkara berkenaan undang-undang dan adat anak Negeri Sabah.

8. Berdasarkan butiran yang tersebut di atas, adalah jelas bahawa hak rakyat Sabah yang disebut di atas Batu Sumpah di Keningau adalah dilindungi dengan kukuh bukan sahaja dalam Perlembagaan Negeri Sabah malahan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan perundangan Negara. Oleh itu, dakwaan bahawa jaminan ke atas tiga perkara yang disebut di atas Batu Sumpah di Keningau telah terhakis adalah tidak benar sama sekali.

Sekian, terima kasih.